




MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG





ISI KANDUNGAN

- 3 Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- 4 Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2021.
- 5 Majlis Khatum Al-Quran Bersama Warga Kerja MBPG dan Datuk Bandar Pasir Gudang.
- 6-7 Pertandingan Sinari Ramadanku.
- 8 Selamat Bersara Tuan Haji Sharif Bin Idros.
- 9 Operasi Bersepadu Jabatan Kesihatan Negeri Johor Bersama Ketua Polis Negeri Johor.
Majlis Berbuka Puasa PUSPANITA MBPG Bersama Datuk Bandar Pasir Gudang.
- 10-11 Lensa MBPG Mei – Jun 2021.
- 12 Bantuan Kepada Peniaga Di Tapak Jalan Sena Taman Rinting Tinjauan Ke Tapak Tanah Runtuh Di Kampung Cahaya Baru.
- 13 Operasi Pemantauan SOP PKP 3.0 Bersepadu Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan.
- 14 Majlis Berbuka Puasa Bersama Media.
- 15 Sanitasi Awam Sekitar Pasir Gudang.
- 16-17 Program Pendaftaran Vaksin Komuniti Pasir Gudang Anjuran Southern Volunteer.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 Laman Info

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman

PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin Aliman

EDITOR

Encik Nik Masri bin Moharani

PENGARANG

Puan Nadzasha binti Mohd Puad

PENERBIT

Unit Media & Komunikasi
Majlis Bandaraya Pasir Gudang



JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK

PGI Media

HAK CIPTA TERPELIHARA © 2021

Sidang Redaksi BERITA PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas.
Sila kemukakan kepada:

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Aras 19, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang.
Tel : 07-254 7777 Faks : 07- 251 5260

Web : www.mbgp.gov.my



Yang Berhormat Datuk Bandar menandatangani Borang A dan Akuan Bersumpah Ahli-Ahli Majlis yang telah dilantik.



MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan 11 orang lagi, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Majlis angkat sumpah pelantikan sesi kedua telah diadakan pada 18 Mei lalu bertempat di Pejabat Datuk Bandar MBPG.

Majlis dimulakan dengan taklimat ringkas oleh Tuan Setiausaha, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, seterusnya diikuti dengan bacaan ikrar dan angkat sumpah oleh 11 barisan Ahli-Ahli Majlis yang dilantik. Majlis diakhiri dengan menandatangani perakuan menerima Jawatan (Borang A) dan Akuan Bersumpah. Dokumen yang telah ditandatangani kemudiannya diserahkan kepada Datuk Bandar bagi tujuan pengesahan perakuan.

Berikut merupakan barisan Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang sesi 2021 – 2022. Tahniah diucapkan kepada barisan baru Ahli-Ahli Majlis MBPG yang dilantik bagi pelantikan sesi kedua.

1. Puan Haryati binti Ismail
2. Puan Rapenah binti Ali
3. Tuan Haji Alaodin bin Hameed
4. Cik Teow Chia Ling
5. Encik Cia Chow Hui
6. Puan Tan Geck Hey
7. Encik Mahendran a/l Subramaniam
8. Encik Tazul bin Arrifin
9. Encik Mohammad Iqbar bin Abdul Rani
10. Encik Mohd Azizi bin Mohmad
11. Encik Albert Lim Wee Cun



PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG 2021



PROGRAM acara tahunan bagi sambutan Ramadan setiap tahun, diadakan dengan cara yang berbeza bagi tahun ini. Dengan mengikut *Standard of Procedur (SOP)* yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang tetap berlangsung meriah walaupun dilaksanakan dengan cara yang cukup berbeza dari kebiasaanya.

Program diadakan bagi meraikan dan mengimarahkan kedatangan bulan Ramadan yang mulia bersama 24 zon penduduk Pasir Gudang. Program dijalankan pada 8 Mei 2021 bermula seawal jam 7.30 pagi dengan kehadiran 6 orang peserta sahaja bagi setiap zon yang terlibat memulakan aktiviti memasak bubur lambuk. Sebanyak 25 periuk terdiri daripada 25 buah kumpulan yang mewakili JKPZ dan agensi yang menyertai program memasak bubur lambuk edisi kali ini. Sesuai dengan keadaan pandemik yang melanda, Program dijalankan di kawasan pilihan zon masing-masing. Pihak urusetia mengadakan lawatan tapak semasa aktiviti memasak dijalankan. Bagi memeriahkan lagi program ini, aktiviti cabutan bertuah diadakan oleh pihak urusetia semasa mengadakan lawatan ke setiap zon. Agihan bubur lambuk adalah melalui JKPZ setiap zon kepada komuniti. Setiap kumpulan telah menghantar gambar dan video semasa aktiviti memasak dijalankan kepada pihak urusetia.

17 agensi telah sudi memberi tajaan kepada aktiviti memasak bubur lambuk ini, Antaranya Yayasan Pasir Gudang, Meridin East Sdn. Bhd., Altech Chemical Sdn. Bhd., Maslee Wholesales (PG) Sdn. Bhd. dan pelbagai lagi agensi. Antara tajaan yang diterima adalah berbentuk wang tunai, barang masakan seperti beras, rempah-ratus, minyak juga keperluan *goodies* peserta dan hamper cabutan bertuah.

Kesemua peserta terdiri daripada 24 zon di bawah kawasan pentadbiran MBPG dan juga agensi lain termasuklah ANULAE cawangan Pasir Gudang dan IPD seri Alam.

Program berakhir pada jam 5.00 petang setelah selesai kesemua zon menyiapkan bubur lambuk serta mengagihkan bubur lambuk yang telah siap dimasak kepada masyarakat sekitar zon masing-masing.



Pihak urusetia melakukan lawatan ke semua 24 zon yang menyertai Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2021.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN BERSAMA WARGA KERJA MBPG DAN DATUK BANDAR PASIR GUDANG



MERUPAKAN PROGRAM TAHUNAN sebaik menjelang Ramadan Al-Mubarak, Majlis Khatam Al-Quran kali ini amat bermakna apabila disambut bersama Datuk Bandar Pasir Gudang yang pertama, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman.

Bertempat di Masjid An-Nur, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang, Program telah bermula pada jam 4.30 petang dengan bacaan tadarus Al-Quran dan diikuti dengan majlis bacaan khatam Al-Quran. Seterusnya majlis ilmu tazkirah ramadan turut diserikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Mohd Syafiee bin Abd Rahman.

Program diakhiri dengan majlis jamuan berbuka puasa dan solat magrib berjemaah yang turut di pimpin oleh Imam Ustaz Mohd Syafiee bin Abd Rahman. Sambutan kali ini juga di anjurkan secara sederhana berikutan masih tertakluk dengan SOP COVID-19 yang telah ditetapkan oleh MKN.



Datuk Bandar turut bersama-sama dalam Majlis Tadarus, Khatam Al-Quran dan Berbuka Puasa yang dianjurkan.



PERTANDINGAN SINARI RAMADANKU

MERUPAKAN PROGRAM TAHUNAN yang diadakan menjelang sambutan bulan Ramadan. Program berlangsung 10 April hingga 12 Mei 2021 dengan melibatkan komuniti 24 Zon dibawah pentadbiran MBPG. Antara objektif ‘Sinari Ramadanku’ ini dianjurkan ialah bagi menyemarak sambutan serta menjalin ukhuwah dalam masyarakat setempat dengan aktiviti menghias kawasan taman perumahan atau kampung dengan sistem pencahayaan atau lampu raya. Di antara matlamatnya, bagi mengembalikan budaya masyarakat Melayu untuk dipelajari dan diingati oleh golongan muda dan masyarakat berbilang bangsa pada masa kini di samping dapat menceria dan mencantikkan kawasan taman-taman perumahan dan kampung-kampung Pasir Gudang pada malam-malam terakhir menjelang sambutan Syawal.

Pertandingan terbahagi kepada 3 kategori iaitu Kategori 1 : Lorong Perumahan/Laman Rumah Pangsa Paling Bersinar. Kategori 2 : Bangunan/Pejabat JKPZ/Agensi Kerajaan dan Swasta Paling Bersinar dan kategori terakhir, Kategori 3 : Rumah Teres/Kampung Paling Bersinar. Sebanyak 25 penyertaan bagi ketiga-tiga kategori telah diterima dan penjurian telah di adili oleh panel juri jemputan dari Sekolah Seni Malaysia, Politeknik Ibrahim Sultan dan Kolej Komuniti Pasir Gudang.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang secara virtual.

Berikut antara gambar-gambar kemenangan bagi setiap kategori. Tahniah diucapkan kepada mereka yang berjaya.

Antara gambar-gambar suasana yang dirakamkan oleh lensa MBPG bagi setiap kategori peserta yang berjaya.

Kategori 1 : Lorong Perumahan / Laman Rumah Pangsa Paling Bersinar

Johan : Jalan Mawar 50, Taman Mawar



Naib Johan : Blok 43, Taman Cendana



Ketiga : Taman Layangkasa



Kategori 2 : Bangunan/Pejabat JKPZ/Agensi Kerajaan dan Swasta Paling Bersinar


Johan : Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang



Naib Johan : JKPZ Taman Nusa Damai



Ketiga : Lembaga Pelabuhan Johor



Kategori 2 : Rumah Teres/ Kampung Paling Bersinar

Johan : Azmi Bin Mat Isa



Naib Johan : Abd Rahman Bin Ahmad Yusof



Ketiga : Azmi Bin Daud





Selamat Bersara **TUAN HAJI SHARIF BIN IDROS**

Tuan Haji Sharif bin Idros berasal dari Muar Johor, lahir pada 20 Mei 1960 dan merupakan anak pertama dari enam orang beradik. Memulakan karier beliau sebagai penjawat awam pada 16 Julai 1986 sebagai Inspektor Kesihatan (Gred U8) di Pejabat Kesihatan Johor Bahru selama sembilan tahun sehingga 1994. Seterusnya beliau bertugas sebagai Penolong Pegawai Kesihatan (Gred U8), Bahagian Kesihatan dan Pelesenan PBT Pasir Gudang sehingga Disember 2003.

Beliau ditempatkan di Jabatan Penguatkuasaan bermula Januari 2004 sehingga Disember 2014 sebagai Pegawai Tadbir N41. Pada Oktober 2016 sehingga Oktober 2018, beliau bersama seorang lagi Pegawai Tadbir N41 telah dipinjamkan ke PBT Pengerang sebagai Pengurus Kanan. Posisi terakhir beliau adalah kembali semula ke Jabatan Penguatkuasaan sebagai Ketua Jabatan dengan gred N44 pegawai tadbir. Tempoh perkhidmatan beliau adalah selama 35 tahun.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Haji Sharif bin Idros atas segala jasa dan sumbangan beliau dalam memberikan khidmat yang cemerlang kepada Pasir Gudang. Selamat bersara diucapkan kepada Tuan Haji Sharif bin Idros.



*Tuan Haji Sharif bin Idros menerima hadiah penghargaan dari
Datuk Bandar Pasir Gudang.*



OPERASI BERSEPADU JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR BERSAMA KETUA POLIS NEGERI JOHOR

Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah melakukan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan SOP Norma Baharu COVID-19 pada 24 Mei yang lalu. Yang Amat Setia, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Ketua Polis Johor turut hadir dalam operasi tersebut yang melibatkan kawasan perindustrian Pasir Gudang.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) tidak terkecuali turut serta dalam operasi tersebut yang melibatkan pegawai-pegawai Jabatan Kesihatan Awam, Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan MBPG bagi memudahkan dan melancarkan operasi yang dilaksanakan di kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

Dalam operasi tersebut juga, beberapa perkara di lihat seperti pematuhan kehadiran pekerja 60% di sektor swasta, mengimbas kod QR MySejahtera, dan SOP lain yang telah ditetapkan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Kompaun di keluarkan ke atas individu atau mana-mana premis yang tidak mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

MAJLIS BERBUKA PUASA PUSPANITA MBPG BERSAMA DATUK BANDAR PASIR GUDANG

PUSPANITA MBPG telah mengadakan majlis berbuka puasa bertempat di Ponderosa Golf Club Johor Bahru. Hadir sama dalam majlis ini Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang dihormati, Datin Halimah binti Mohamad Rasip, Pengurus PUSPANITA MBPG, Puan Sharifah Amariah binti Ahmad Jailani, Timbalan Pengurus PUSPANITA MBPG, serta Ahli-Ahli Jawatankuasanya.




Pengerusi PUSPANITA MBPG bergambar bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa PUSPANITA MBPG.



LENSA MBPG

MEI & JUN
2021

PENJURIAN PERTANDINGAN SINARI RAMADANKU (3/5/2021)



PROGRAM BUBUR LAMBUK SOUTHERN VOLUNTEERS PASIR GUDANG (4/5/2021)

PENYERAHAN BAHAN MEMASAK PROGRAM BUBUR LAMBUK KEPADА 24 ZON PASIR GUDANG (7/5/2021)





LAWATAN SUK NEGERI SEMBILAN KE PKRC MERANGKAP PENGURUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SEMBILAN (12/6/2021)



LAWATAN TAPAK DATUK BANDAR KE TAMAN CAHAYA MASAI (15/6/2021)

LAWATAN YB DATUK ZURAIDA KAMARUDDIN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (26/6/2021)



BANTUAN KEPADA PENIAGA DI TAPAK JALAN SENA TAMAN RINTING



Bantuan telah disampaikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman.

SATU KEJADIAN RIBUT telah berlaku di kawasan tapak penjaja Jalan Sena Taman Rinting pada 24 Jun yang lalu dan telah mengakibatkan kerugian dan kerosakan besar kepada semua penjaja yang berniaga di kawasan tersebut. Peralatan dan bahan makanan peniaga turut rosak dan tidak dapat digunakan lagi. Dengan mengambil tindakan pantas atas bencana yang telah berlaku, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah sudi menyampaikan bantuan segera kepada 34 peniaga yang terkesan akibat bencana ribut yang melanda di kawasan tersebut.

Melalui Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 2.0, penjaja yang berlesen layak menerima bantuan RM500.00 setiap seorang. Bagi mempercepatkan proses pemulihan, MBPG telah melaksanakan inisiatif dengan mendahuluikan bantuan kewangan tersebut kepada para peniaga yang terjejas. Turut memberi sumbangan berupa barang keperluan asas ialah Ahli Majlis Zon Rinting 1, Encik Mohamad Farid bin Abdul Razak.

Pihak Maxis turut memberi sumbangan sebuah khemah kepada penjaja bagi menggantikan khemah mereka yang rosak disebabkan ribut yang melanda dan disempurnakan penyerahannya oleh Encik Mazlan Mokhtar, Ketua Bahagian Selatan Maxis Berhad.

Semoga dengan bantuan ini, serba sedikit dapat meringankan beban peniaga di Tapak Penjaja Jalan Sena, Taman Rinting, Pasir Gudang yang terkesan akibat bencana yang telah menimpa mereka.

TINJAUAN KE TAPAK TANAH RUNTUH DI KAMPUNG CAHAYA BARU

PADA 20 JUN yang lalu, Datuk Bandar MBPG, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman bersama pegawai-pegawai Jabatan Kejuruteraan dan Landskap telah membuat tinjauan ke Sungai Serai, Kampung Cahaya Baru di mana dilaporkan punca berlakunya banjir dikawasan kampung tersebut. Tinjauan turut dihadiri oleh pihak pemaju projek dikawasan berhampiran bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk setempat. MBPG telah meminta pihak pemaju agar melaksanakan penambahbaikan demi keselesaan penduduk kampung yang berdekatan. Datuk Bandar juga turut berkesempatan meluangkan masa melihat sistem perparitan di Kg Cahaya Baru.

Turut hadir, Ahli Majlis zon Cahaya Baru / Tanjung Langsat, Pegawai Penyelaras Parlimen Tebrau dan Ketua Kampung Cahaya Baru.



OPERASI PEMANTAUAN

SOP PKP 3.0 BERSEPADU JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

OPERASI ini telah dilaksanakan secara berterusan mulai Jun 2021 melalui Jabatan Undang-Undang dan Penguatuasaan. Operasi dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memantau premis-premis di bawah Majlis Bandaraya Pasir Gudang agar mematuhi arahan dan SOP yang telah ditetapkan.

Selain pemantauan di bawah Majlis Bandaraya Pasir Gudang, MBPG dengan kerjasama beberapa agensi Kerajaan dan Swasta seperti pihak MKN, PDRM, KKM dan DOSH turut terlibat dalam melaksanakan Operasi Bersepadu ini.

MBPG dan agensi yang terlibat akan terus melaksanakan operasi seumpama ini dari semasa ke semasa terhadap semua sektor di bawah pentadbiran Bandaraya Pasir Gudang bagi memastikan SOP yang telah ditetapkan sentiasa dipatuhi.



Majlis BERBUKA PUASA BERSAMA MEDIA



BAGI MENYANTUNI dan menghargai sumbangan pihak media, Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menganjurkan satu Majlis Berbuka Puasa Bersama Media bertempat di Hotel Grand Paragon Johor Bahru pada 8 Mei yang lalu.

Majlis diadakan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas jalinan kerjasama dan komitmen tinggi yang diberikan oleh pihak media cetak dan elektronik khususnya di Pasir Gudang. Selain turut menghargai peranan rakan media yang banyak membantu MBPG dari segi memberi liputan, publisiti dan promosi serta apa jua acara dan juga peranan MBPG sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor.

Majlis telah dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman selaku Dato' Bandar Pasir Gudang. Hadir sama dalam majlis ini, Y. Bhg. Encik Mohamad Fauzi bin Ishak, Presiden Kelab Media Johor, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit MBPG serta rakan-rakan media dari pelbagai agensi.

Majlis diakhiri dengan acara penyampaian cenderahati kepada wakil media dan seterusnya Yang Berhormat Datuk Bandar meraikan tetamu jemputan dengan jamuan berbuka puasa.



Datuk Bandar Pasir Gudang bergambar bersama wakil media yang hadir dalam program yang dianjurkan



SANITASI AWAM SEKITAR PASIR GUDANG

SE PANJANG BULAN MEI DAN JUN 2021, MBPG melalui Jabatan Kesihatan Awam dan Persekutaran telah melaksanakan kerja-kerja sanitasi khusus di kawasan tumpuan awam dibawah pentadbirannya.

Aktiviti sanitasi ini melibatkan kawasan Zon Masai, masjid dan surau awam di Pasir Gudang kawasan perkedahan Taman Scientex. Kerja-kerja sanitasi akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh MBPG khusus di kawasan tumpuan ramai secara berkala bagi memastikan ianya selamat dikunjungi disamping mengawal penularan pandemik COVID-19.

Peniaga dan orang ramai di nasihati untuk terus bersama-sama mematuhi SOP dan sentiasa mengamalkan 6M iaitu :

- i) Masuk & Keluar Premis Mengikut Laluan
- ii) Memakai Pelitup Muka
- iii) Mengimbas Suhu
- iv) Mengimbas Kod QR MySejahtera
- v) Menjaga Jarak Fizikal





PROGRAM PENDAFTARAN VAKSIN KOMUNITI PASIR GUDANG ANJURAN SOUTHERN VOLUNTEER



SOUTHERN VOLUNTEERS telah digerakkan bagi membantu Bangsa Johor membuat pendaftaran vaksin COVID-19. Program Pendaftaran Vaksinasi melalui Southern Volunteers Pasir Gudang telah bermula pada Jun 2021 yang melibatkan seluruh kawasan pentadbiran di bawah Pasir Gudang.

Tahniah dan terima kasih kepada pasukan Southern Volunteers Pasir Gudang dalam membantu Bangsa Johor bagi mencapai 80% vaksin di kalangan warga Johor.





YAYASAN PASIR GUDANG

PROGRAM JALINAN UKHUWAH, MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN, TADARUS DAN BERBUKA PUASA SEMPENA NUZUL AL-QURAN

TARIKH : 1 MEI 2021

Sumbangan berbentuk wang tunai dan beras telah disumbang oleh Baitulmal Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) kepada 300 orang keluarga yang merupakan golongan asnaf dan penerima Gerobok Prihatin. Selain itu, Yayasan Pasir Gudang turut memberi sumbangan kepada 200 keluarga. Sumbangan berbentuk wang tunai dan barang keperluan berjumlah RM200.00 bagi sebuah keluarga.



SESI PENYERAHAN INSENTIF JOHOR BERKEBAJIKAN E-KASIH 2021 FASA 2

TARIKH : 3 MEI HINGGA 5 MEI 2021

Program ini bertujuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh golongan yang terkesan dengan COVID-19 dari kalangan peserta e-Kasih dan membantu mereka dalam mengharungi bulan Ramadan dan Syawal yang bakal menjelma. Yayasan Pasir Gudang telah diberi amanah untuk menyelaraskan bantuan daripada senarai e-Kasih fasa dua yang ditetapkan oleh Pejabat Daerah Johor Bahru kepada penerima. Seramai 266 orang penerima e-Kasih telah menerima bantuan tersebut. Pemberian baki “One-Off” sebanyak RM300.00 sebulan akan diterima oleh setiap penerima e-kasih selama 2 bulan bagi tahun 2021. Program ini merupakan program bantuan Kerajaan Negeri Johor.



SUMBANGAN ALAT BANTU PERALATAN SOKONGAN TAMBAHAN

TARIKH : 29 MEI 2021

Sumbangan ini disalurkan kepada Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bertujuan sebagai tanda sokongan pihak Yayasan kepada pejuang barisan hadapan serta meringankan beban petugas barisan hadapan yang berkhidmat. Antara perkakas alat bantu yang disumbangkan meliputi tambahan komputer riba, mesin pencetak, smart tv dan peti sejuk. Selain itu, pihak Yayasan telah menyumbang dalam penyediaan sarapan pagi untuk diberikan kepada mereka yang bertugas. Sumbangan merupakan tajaan Yayasan Pasir Gudang.



MISI PENYERAHAN BANTUAN BAKUL MAKANAN PASIR GUDANG

TARIKH : 4 JUN HINGGA 24 JUN 2021

Objektif program dianjurkan adalah bagi meringankan bebanan masyarakat sekitar Pasir Gudang dengan mensasarkan golongan yang kurang berkemampuan dan golongan yang menghadapi kesulitan akibat terkesan dengan wabak COVID-19. Setiap penerima menerima sumbangan barang keperluan dapur tajaan Pejabat Daerah Johor Bahru. Misi penyerahan Bantuan Bakul Makanan dilakukan dengan konsep “door to door” di sekitar Pasir Gudang. Berikut adalah senarai tarikh dan lokasi Bantuan Bakul Makanan Pasir Gudang :

Bil	Tarikh	Lokasi
1	4 Jun 2021	
2	5 Jun 2021	
3	8 Jun 2021	Sekitar Kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)
4	10 Jun 2021	
5	15 Jun 2021	
6	19 Jun 2021	
7	24 Jun 2021	



SUMBANGAN PERALATAN KESIHATAN

TARIKH : 22 JUN 2021

Sumbangan ini disalurkan kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) bertujuan memudahkan dan melancarkan urusan petugas barisan hadapan yang berkhidmat. Yayasan Raja Zarith Sofiah turut menyampaikan sumbangan keperluan di PKRC Pasir Gudang. Penyerahan sumbangan ini telah diselaraskan oleh Yang dihormati Datin Halimah binti Mohamed Rasip, Pengurus PUSPANITA MBPG dan Tuan Haji Baharudin Taib, Ketua WHIP MBPG mewakili Yayasan Pasir Gudang.



SUMBANGAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2021

TARIKH : 28 JUN DAN 29 JUN 2021

Program penyerahan bantuan barang keperluan dan wang tunai kepada 60 orang penerima dan diagihkan kepada beberapa kawasan di sekitar Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) yang juga merupakan kerjasama tanggungjawab sosial korporat Johor Port Berhad (JPB). Penyerahan agihan turut disertai Puan Atiqah Binti Abd Ghani, Korporat Eksekutif JPB, wakil Johor Port Berhad dan Puan Shahriah Binti Ismail, ALPA YPG disertai Puan Rapenah Binti Ali, Ahli Majlis MBPG, Zon Cahaya Baru Tanjung Langsat. Setiap penerima telah menerima sumbangan barang keperluan dan wang tunai bernilai RM250.00. Sumbangan merupakan tajaan oleh Johor Port Berhad (JPB).



Berikut adalah senarai tarikh dan lokasi Bantuan Bakul Makanan Pasir Gudang

Bil	Tarikh	Lokasi / Jumlah Sumbangan
1	28 Jun 2021	Sekitar Kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)
2	29 Jun 2021	Kampung Cahaya Baru, Kampung Tanjung Langsat, Kampung Kong Kong Laut dan Kampung Perigi Acheh.



LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Salam
Aidilfitri
Maaf Zahir & Batin

Ingatan tulus ikhlas:
Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pasir Gudang



PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



www.mbg.gov.my



Majlis Bandaraya Pasir Gudang



majlisbandarayapg_official

APLIKASI MUDAH ALIH DARIPADA KPKT

